

KENYATAAN AKHBAR

CIDB TERBIT DAFTAR TERKINI BAHAN BINAAN YANG TELAH DIPERAKUKAN

Kuala Lumpur, 11 Disember: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menerbitkan *Daftar Bahan Binaan Tempatan Yang Diperakukan CIDB 2017* bagi membantu industri mencari dan menggunakan bahan binaan yang telah diperakukan.

Daftar setebal 359 muka surat itu, memuatkan senarai pengeluar bahan binaan yang telah memperolehi Perakuan Pematuhan Standard (PPS) daripada CIDB bermula tahun 2016. Lebih daripada 120 produk dari 13 kategori bahan binaan yang tersenarai di dalam Jadual Keempat Akta 520 dimuatkan di dalam daftar tersebut.

Daftar tersebut boleh dimuat turun melalui laman web rasmi CIDB di pautan <http://www.cidb.gov.my/images/content/pdf/material/Daftar-BB-2018.pdf>. Selain itu, orang ramai juga boleh menyemak bahan dan pengeluar yang telah diperakukan CIDB secara dalam talian melalui www.ccpm.cidb.gov.my.

Menurut Akta Lembaga Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), sesiapa yang di dapati bersalah berurusan dengan bahan binaan yang disenaraikan di dalam Jadual Keempat tanpa Perakuan Pematuhan Standard (PPS) daripada CIDB, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM500,000.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia

*Rakis Santa **rakis@cidb.gov.my** 012-620 0360 / 03-4047 7018*

*Mansor Ahmad **mansor.ahmad@cidb.gov.my** 012-386 4997 / 03-4047 7018*

#####